

**Tiada Kontrak Melombong Pasir Diberi Kepada Double Dignity, Kata ADUN Pakatan Bernama**  
**5 Mac, 2012**

SHAH ALAM, March 5 (Bernama) -- Dua wakil rakyat Pakatan Rakyat Selangor pada Isnin mengulangi bahawa syarikat Double Dignity (M) Sdn Bhd, yang mana mereka pernah memegang jawatan pengarah, tidak pernah menerima kontrak melombong pasir di negeri itu dari Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), syarikat subsidiari kerajaan negeri Selangor dan pemegang konsesi perlombongan pasir.

Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Muda Shuhaimi Shafiei dan ADUN Batu Caves Amiruddin Shari berkata demikian pada hari pertama sesi pendengaran awam Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) berhubung isu penyelewengan pasir di sini, pada Isnin.

Shuhaimi berkata adalah mustahil bagi Double Dignity untuk mendapatkan apa-apa kontrak melombong pasir kerana ia tidak mendaftar dengan KSSB.

"Saya tidak pernah tolong mana-mana syarikat termasuk syarikat Double Dignity untuk mendapatkan kontrak yang dibuka KSSB kerana nature of business berbeza dan lebih-lebih lagi syarikat itu tidak didaftarkan dengan KSSB," katanya dan menambah beliau telah menyerahkan surat perletakan jawatan sebagai pengarah Double Dignity pada 2010.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650074>